



**ABDULLAH** Ahmad Badawi bersama anaknya Nori di pusara Endon Mahmood di Putrajaya, kelmarin. - Gambar Bernama

## PM ziarah pusara isteri tersayang

PUTRAJAYA 4 Nov. - Buat pertama kalinya pada tahun ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyambut Hari Raya tanpa isteri tersayang, Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood yang kembali ke rahmatullah pada 20 Oktober lalu.

Ekoran itu, kehadiran 1 Syawal semalam disambut oleh Abdullah dan keluarga dengan menziarahi pusara Allahyarham isterinya itu di Tanah Perkuburan Presint 20, di sini.

Endon meninggal dunia setelah dengan tabah dan sabar bertarung dengan kanser payu dara sejak tiga tahun lalu.

Bersama Perdana Menteri ialah anak-anaknya. Kamaluddin bersama isteri, Azrene Abdullah dan Nori bersama suami, Khairy Jamaluddin serta tiga orang cucunya.

Abdullah yang memakai baju Melayu berwarna perang muda menghabiskan

masa kira-kira 20 minit duduk di hujung pusara isterinya itu sambil membaca ayat-ayat suci al-Quran bersama anggota keluarga lain.

Selepas itu, Abdullah dan anggota keluarganya merenjis air dan menabur bunga di pusara Endon.

Sebelum meninggalkan tanah perkuburan tersebut, Perdana Menteri turut ber-salaman dan mengucapkan Selamat Hari Raya kepada wartawan dan jurugambar yang berada di situ.

Perdana Menteri selepas itu menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara dan menghadiri solat Aidilfitri di Masjid Negara di Kuala Lumpur.

"Seperti tahun sebelumnya, Perdana Menteri bersama-sama anggota Kabinet lain yang beragama Islam, mengadakan rumah terbuka Aidilfitri di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).